

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL
HADI BIN AWANG [MARANG]**

SOALAN :

**YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan bilakah Kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya
Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat penyelewengan dana Bumiputera
Malaysia Finance (BMF) pada 1980-an.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah pun membentuk sebuah Jawatankuasa Penyiasat pada tahun 1984 untuk meneliti isu penyelewengan dana oleh anak syarikat Bank Bumiputera Malaysia Bhd (BBMB), iaitu Bumiputera Malaysia Finance (BMF). Pada tahun 1986, Kerajaan tampil membentangkan Kertas Putih di Parlimen bertajuk Laporan Akhir Jawatankuasa Penyiasat BMF Limited (Hong Kong). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penubuhan sesebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja adalah tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Disemak 1973) [Akta 119].

Sekian, terima kasih.